

**UCAPAN YB TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
DI MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KPKT
10 JANUARI 2017
DEWAN KRISTAL, KPKT**

ALUAN

Yang saya muliakan, Saudara/Saudari Pengacara Majlis,

YB Datuk Halimah binti Mohamad Sadique
Timbalan Menteri KPKT

YBhg. Datuk Mohammad bin Mentek
Ketua Setiausaha, KPKT

YBhg. Dato' Dr. Tam Weng Wah
Timbalan Ketua Setiausaha Dasar dan Pembangunan, KPKT

YBhg. Dato' Halimi bin Abdul Manaf
Timbalan Ketua Setiausaha Kesejahteraan Bandar, KPKT

YBhg. Dato' Nor Inchun Binti Mohamed Salleh
Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan, KPKT

Yang Amat Setia Dato' Wira Haji Wan Mohd Noor Haji Ibrahim
Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Peyelamat Malaysia

Ketua-ketua Jabatan dan Setiausaha Bahagian KPKT,

YBhg. Datuk-Datuk, Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

1. Alhamdulillah pada pagi ini kita dapat mengadakan Majlis Perhimpunan Bulanan pertama KPKT bagi tahun 2017. Saya merasa amat bertuah kerana ini merupakan kali pertama saya sebagai Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan

Tempatan dapat bersua dan mengenali dengan lebih dekat semua warga KPKT pada hari ini.

2. Bersempena bulan Januari bulan pertama tahun 2017, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru dan selamat menjalankan tugas kepada semua warga KPKT. Semoga KPKT secara berterusan dapat memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat khususnya di bandar-bandar.

3. Di kesempatan ini saya mengalu-alukan semua pengawai baharu yang menyertai warga KPKT dan mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada yang telah meninggalkan KPKT, sama ada bertukar keluar mahupun bersara.

4. Jika kita menyingkap kembali pada tahun 2016 yang lalu, pelbagai aktiviti di penghujung tahun 2016 telahpun selesai dan dilaksanakan, seperti penilaian prestasi, samada laporan penilaian tahunan mahupun prestasi pencapaian projek dan program yang telah kita aturkan sepanjang tahun 2016.

5. Pada awal Januari 2016 juga telah bermula pelaksanaan projek dan program KPKT selaras dengan RMKe11. Banyak program dan inisiatif yang dirancang telah dapat dilaksanakan dan dicapai sehingga sampai kepada rakyat. Mudah-mudahan dengan kerjasama antara jabatan dan bahagian KPKT akan terus ditingkatkan.

6. Peruntukan pembangunan RMKe-11 tahun 2016 bagi KPKT yang telah diluluskan ialah RM1.6 bilion dan bagi mengurus pula ialah sebanyak RM2.4 bilion sebagai mana yang terkandung dalam Buku Bajet. Berdasarkan kepada peruntukan tersebut, KPKT telah dapat membelanjakan dengan secara berhemat dan jimat dengan merancang serta melaksanakan program dan aktiviti dengan jayanya. Komitmen yang tinggi telah diberikan oleh setiap jabatan dan bahagian di KPKT ini amat saya hargai dan berharap ia dapat diteruskan pada tahun baharu ini 2017.

7. Pencapaian prestasi tahun 2016 pula amat membanggakan, di mana perbelanjaan pembangunan KPKT sehingga 31 Disember 2016 mencapai 98.36%, bermula di peringkat awal sehingga hampir ke penghujung tahun prestasi adalah memberangsangkan dengan menduduki tempat ke 6 dari semua 25 kementerian. Ini adalah berdasarkan kepada pelarasan yang telah dibuat ke atas peruntukan asal. Prestasi perbelanjaan mengurus pula ialah 98.68% pada 31 Disember 2016. Semua perbelanjaan ini telah diselaraskan sehingga Disember 2016.

8. Bajet 2017 telah pun dibentangkan dan adalah menjurus untuk mencapai matlamat menjamin perpaduan dan pertumbuhan ekonomi, menghemah perbelanjaan inklusif dan mensejahtera kehidupan rakyat keseluruhan. Antara *touch point* yang dinyatakan yang memerlukan pelaksanaannya di bawah KPKT adalah membaik pulih fasiliti kawasan flat & Program Perumahan Rakyat (PPR) menerusi Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (dengan peruntukan RM300 juta), membina 9,850 unit baharu dan menyiapkan 11,250 unit rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) serta membina 10,000 unit rumah di bandar untuk disewa oleh golongan muda pada kadar lebih rendah dari kadar pasaran.

9. KPKT turut memainkan peranan yang penting bagi mencapai Wawasan 2020. Selaras dengan tema RMKe-11, iaitu Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat, KPKT akan terus melaksanakan pelbagai inisiatif untuk kepentingan dan kesejahteraan rakyat khususnya yang berkaitan dengan perumahan, perkhidmatan kebombaan serta penyelamatan, pengurusan sisa pepejal, landskap, pembasmian kemiskinan bandar dan memperkukuhkan peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebagaimana terkandung dalam Pelan Transformasi PBT. Meneliti peranan KPKT melaksanakan inisiatif ini, KPKT bertanggungjawab dan berperanan mensejahterakan masyarakat bandar. Selaras dengan ucapan **YAB Perdana Menteri** pada pembentangan Bajet 2017 yang lalu, telah menyatakan hasrat :

“ Dalam kita menuju status negara maju, konsep yang penting adalah *public happiness*. Berkait bukan hanya tentang pendapatan semata-mata, tetapi ia berkait

kualiti kesejahteraan hidup rakyat, seperti aman dari jenayah, menikmati alam sekitar yang bersih dengan pelbagai seni dan kebudayaan yang berwarna-warni.”

10. Saya juga berharap seluruh warga kerja KPKT dapat menghayati sepenuhnya hasrat murni Pelan Strategik KPKT 2016-2020 dan menterjemahkan di peringkat pelaksanaan projek dan program bagi memastikan Wawasan 2020 tercapai memandangkan ini adalah fasa terakhir. Selaras dengan tema Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), iaitu Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat, KPKT akan terus memainkan peranan sebagai pemacu perubahan ke atas teras-teras yang telah digariskan. Saya percaya seluruh warga kerja mempunyai keazaman dan iltizam yang tinggi untuk menjadikan KPKT sebagai sebuah organisasi yang lebih cemerlang.

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Tugas penyelamatan sama ada nyawa mahu pun harta benda sentiasa menjadi tanggungjawab dan teras Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Sehubungan itu, pada tahun 2016, kesiapsiagaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia menghadapi kemungkinan itu tetap diteruskan dalam memastikan rakyat mendapat bantuan yang maksimum daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Antaranya pada bulan November 2016, telah berlaku kejadian tanah runtuh di Taman Idaman dekat Serendah Selangor di mana saya sendiri telah turun padang melihat kejadian tersebut. Pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah dapat memberikan perkhidmatan yang pantas dan bantuan serta merta dalam usaha membantu hampir 64 keluarga yang terlibat.

12. Penyediaan perumahan bagi golongan B40 yang berpendapatan di bawah RM3,000 akan sentiasa menjadi keutamaan kita. Malah dalam pembentangan Bajet 2017 telah dijelaskan bahawa Kerajaan begitu perihatin menggalakan rakyat memiliki rumah. Sehubungan itu, Jabatan Perumahan Negara telah memperkenalkan skim sewa beli (*rent to own*) di mana mereka yang berpendapatan rendah (golongan B40) yang terpilih tidak

perlu membayar harga rumah tetapi hanya perlu membayar sewa bulanan. Dalam tempoh tertentu, rumah tersebut akan menjadi hakmilik mereka.

13. Selain daripada penumpuan bagi golongan B40, golongan muda juga tidak terkecuali daripada menikmati kemudahan perumahan. Sehubungan itu, KPKT mengadakan program Rumah Transit 1Malaysia yang bertujuan memberi kemudahan perumahan pasangan muda yang berkahwin dan berumur 30 tahun dan ke bawah. Tumpuan diberikan kepada bandar-bandar besar untuk mengurangkan beban pasangan muda yang berpendapatan rendah. Program ini telah pun dimulakan di kawasan Bukit Jalil.

14. Jabatan Perumahan Negara akan terus berperanan melihat perumahan sebagai satu industri berpotensi dalam menyediakan tempat kediaman yang kondusif, juga melihat dari segi impak ekonomi dalam penyediaan bahan termasuk sumber dan teknologi yang digunakan dalam pembinaan rumah, iaitu dari aspek kos pembinaan dan harga jualan.

15. KPKT melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) turut mengadakan pelbagai program dan aktiviti kitar semula. KPKT boleh berbangga dengan pencapaian kadar kitar semula pada tahap 17.5%. Walaupun masih rendah tetapi mencapai sasaran yang ditetapkan. Oleh itu, usaha yang lebih gigih diperlukan bagi mencapai tahap 22% pada tahun 2020. Selain daripada itu, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara dengan kerjasama SWCorp. dan semua syarikat konsesi telah berhasil untuk memuktamadkan senarai inventori pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam sejak penswastan dilaksanakan. Tarikh kuat kuasa yang dipersetujui bagi inventori ini adalah pada 1 Jun 2016. Penetapan inventori ini adalah penting terutama bagi menentukan jumlah bayaran yang perlu dibayar kepada syarikat konsesi. Ianya juga dapat mengatasi masalah dan keraguan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara sepertimana terkandung dalam Laporan Ketua Audit Negara 2014.

16. Selain itu, KPKT juga telah berusaha untuk meningkatkan akses kepada kemudahan rekreasi awam bagi kesejahteraan rakyat agar ianya selaras dengan Akujanji Kerajaan Persekutuan untuk menyediakan akses rekreasi untuk rakyat mengamalkan gaya hidup sihat. Melalui Jabatan Landskap Negara, seluas 171 ekar kawasan rekreasi telah disediakan samada melalui pelaksanaan projek Pembangunan Taman Awam Baru, menaik taraf taman komuniti sedia ada, Pembangunan Persekitaran Kehidupan atau melalui kerja Penyelenggaraan Pemuliharaan Taman-taman sedia ada. Seramai 171,0000 orang penduduk telah mendapat faedah akses untuk melakukan riadah harian di kawasan-kawasan berkenaan.

17. Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) merupakan titik tumpuan dalam usaha pembangunan negara kita. Oleh itu, pakatan dan kolaborasi yang aktif KPKT dengan pelbagai agensi sedia ada dalam program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dipergiatkan. Penekanan tiga (3) aspek NBOS ini iaitu perancangan dan pelaksanaan yang *Low Cost, High Impact* dan *Rapid Execution*. Program-program yang melibatkan KPKT dalam NBOS tahun 2017 adalah seperti *Urban Launchpad For Youth*, Projek Bantuan Baik Pulih Rumah Daif di Bandar, *My Beautiful Malaysia*, *My Beautiful Neighbourhood*, *1Malaysia Youth City*, *Affordable Rental Homes for Urban Youth* dan inisiatif baharu *My Beautiful New Home*.

18. Salah satu program NBOS KPKT, *1Malaysia Youth City* telah berjaya dilaksanakan. Antaranya dilaksanakan *1Malaysia Youth City* di Tanjung Malim dengan aktiviti seperti *street mural/creative spaces* begitu menarik perhatian. Selain itu, perancangan penyediaan rumah mampu milik, Pusat Remaja (*Youth Central*) dan Kompleks Sukan Mini akan dibina. Saya percaya, dengan ini KPKT antara kementerian yang memberi komitmen dan kerjasama yang padu dalam memastikan bergerak secara dinamik dan maju ke hadapan serta kekal relevan sebagai kementerian yang dekat di hati rakyat.

19. Dalam usaha yang berterusan, KPKT menuju untuk mengantarabangsakan fungsi dan peranan KPKT di peringkat wilayah dan global melalui *World Urban Forum (WUF9)*

dimana kita telah terpilih untuk menganjurkan pada 2018. Aktiviti mempromosi penganjuran akan diteruskan tahun 2017 ini di peringkat serantau dan antarabangsa. Di samping itu, melaksanakan dokumen *New Urban Agenda* secara menyeluruh kerana melibatkan isu-isu berkaitan perancangan dan pembangunan bandar melalui penglibatan oleh pelbagai pihak melalui pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

20. Saya turut ingin mengucapkan tahniah kepada seluruh warga kerja KPKT atas kejayaan melaksanakan Majlis Karnival KPKT 2016 pada 3 dan 4 Disember 2016 yang lalu. Di mana gabungan empat (4) sambutan Hari Habitat Sedunia, Hari Perancangan Bandar Sedunia, Hari Kitar Semula dan Hari Tandas Sedunia. Karnival KPKT ini merupakan *touch point* mengetengahkan, menghebahkan dan mendekatkan rakyat dengan program dan aktiviti di bawah KPKT. Pelancaran Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN3) dan Dasar Perbandaran Negara Ke-2 (DPN2) turut diadakan di mana kedua-dua dokumen penting ini kepada KPKT dalam membantu mencapai moto kementerian iaitu Kehidupan Sejahtera dan menjadi rujukan bagi pelbagai pihak khususnya di dalam menyelesaikan isu dan masalah perbandaran serta dasar perancangan pembangunan fizikal masa hadapan ke arah kesejahteraan rakyat.

21. Selain daripada pencapaian dari segi program dan projek, hubungan kekeluargaan antara warga KPKT juga telah dieratkan lagi dengan penganjuran dua (2) buah program iaitu Majlis *Ladies Nite* PUSPANITA KPKT 2016 yang telah diadakan pada 2 Disember 2016 dan Majlis Makan Malam Bersama YB Menteri KPKT anjuran KESKEP KPKT pada 28 November 2016 tempoh hari. Aktiviti seumpama ini diharapkan dapat diteruskan lagi di tahun-tahun mendatang dengan penglibatan setiap warga KPKT. Bak kata pepatah,

"Sakit Sama Mengaduh, Luka Sama Menyiuk"

Di mana kita sebagai satu keluarga dalam bersama-sama bertanggungjawab, susah senang dirasakan bersama.

22. Malam Media bersama KPKT bertemakan Hollywood vs Bollywood : Night of Superstars juga telah diadakan pada 7 Disember 2016 dan hampir 500 petugas media telah diraikan. Tujuannya adalah sebagai penghargaan kepada pihak media yang telah banyak menyokong dan mempromosikan program KPKT. Sehubungan itu, adalah menjadi harapan agar pihak media akan terus memberikan sokongan kepada KPKT dan media sebagai medium penyampaian KPKT berkenaan hasrat Kerajaan kepada rakyat. Saya juga turut melancarkan portal rasmi saya yang mengandungi maklumat mengenai kementerian dan isu politik serta rakyat boleh membuat aduan dan menyampaikan idea.

Hadirin yang dihormati sekalian,

23. Dengan memasuki tahun 2017 ini, kita mesti terus memberikan tumpuan yang sepenuhnya kepada tugas, kewajipan dan tanggungjawab yang diamanah. KPKT telah diluluskan bajet sebanyak RM5.2 bilion yang merangkumi RM3.6 bilion peruntukan perbelanjaan mengurus dan RM1.6 bilion peruntukan pembangunan. Dalam perkara ini, saya difahamkan bahawa peruntukan mengurus di bawah Objek Am 20 iaitu Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan telah berkurangan daripada RM587.2 juta tahun 2016 kepada RM406.4 juta sahaja tahun 2017. Pengurangan sebanyak 31% tentunya memberi kesan ke atas aktiviti dan program kementerian. Oleh itu saya berharap semua Ketua Jabatan dan Setiausaha Bahagian dapat melaksanakan perbelanjaan berhemah seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

24. RMKe-11 yang telah pun masuk tahun kedua ini banyak program/inisiatif baharu dan sedia ada akan diteruskan. KPKT akan terus memainkan peranan yang penting dengan pelbagai inisiatif untuk kepentingan dan kesejahteraan rakyat yang telah dirangka khususnya berkaitan dengan perumahan, perkhidmatan kebombaian serta penyelamatan, pengurusan sisa pepejal, landskap dan pembasmian kemiskinan bandar.

25. Di samping itu, program baharu/sedia ada yang dirancang dan dilaksanakan untuk tahun ini akan diberikan fokus utama seperti Pelan Induk Kesejahteraan Rakyat Bandar (PIKRB), Pelan Transformasi PBT (PTPBT), Buku Pelan Tindakan Majlis Keselamatan Aktiviti Air (PTMKAA) dan pelaksanaan Indeks Syariah Malaysia.

Hadirin yang dihormati sekalian,

26. Akhir kata, saya berharap agar semua cabaran, dugaan dan ujian yang telah kita hadapi pada tahun yang lalu dapat dijadikan sebagai pengalaman dan kekuatan untuk kita terus mengorak langkah lebih jauh. Kekalkan amalan budaya kerja berprestasi tinggi yang berteraskan kepada produktiviti, inovasi dan semangat kerja berpasukan. Marilah kita semua di semua peringkat bekerjasama, berganding bahu dan bermuafakat bagi menempuh tahun 2017 yang penuh dengan cabaran dan saingan.

Bertepatan dengan itu,:

“ Bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat ”

Marilah kita bersama-sama mencapai kata sepakat dalam setiap perbincangan dan permuafakatan dalam usaha menjadikan KPKT sebagai Kementerian yang sentiasa mendengar hati rakyat dan merealisasikan kehidupan mereka di bandar-bandar supaya lebih sejahtera.

28. Sebelum saya akhiri ucapan ini, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru 2017 kepada semua yang hadir dan terima kasih kepada Bahagian Khidmat Pengurusan sebagai penganjur pada kali ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.